



Ministry of Industry and Primary Resources

UCAPTAMA

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM
DATO PADUKA HAJI BAKAR
MENTERI PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUBUHAN
BAHAGIAN HIDUPAN LIAR
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

***BERTEMPAT*
DEWAN SETIA PAHLAWAN
HARI RABU 14 MUHARRAM 1434
BERSAMAAN DENGAN 28 NOVEMBER 2012**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

Segala puji-pujian bagi Allah Subanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallullahu Alaihi Wasalam, keluarga serta para sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia, Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal, Ketua **BAHAGIAN HIDUPAN LIAR** selaku Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan Swasta, penceramah undangan; para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian

Rantau ASEAN meliputi hanya 3% daripada permukaan bumi, namun ia mengandungi lebih daripada 20% spesis tumbuhan dan hidupan liar. Ini telah menjadikan ASEAN sebagai salah satu hotspot biodiversiti mega di dunia. Lanskap biodiversiti di Negara ini didapati masih utuh dan telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang mampu mengekalkan kekayaan sumber hidupan liar, flora dan fauna sama ada di

daratan atau di lautan. Mengikut ‘*The Wildlife Trade Monitoring Network*’ juga dikenali sebagai **TRAFFIC Southeast Asia**, beberapa spesis hidupan liar yang telah direkodkan antaranya:

- 300 spesis burung pemastautin [*resident birds*];
- 5 spesis mamalia darat herbivore yang besar [*large terrestrial herbivorous mammal species*];
- Kira-kira 100 spesis mamalia bukan terbang [*non-flying mammal species*]
- 12 spesis udang;
- Kira-kira 1,900 spesis pokok;
- 304 spesis pakis;
- 19 spesis buluh; dan
- 80 spesis rotan.

Selain itu, terdapat beberapa spesis ‘*endemic*’ yang hanya terdapat di Negara Brunei Darussalam termasuklah 6 spesis ikan air tawar dan beberapa sepsis ‘*endemic*’ binatang liar yang hanya terdapat di kepulauan Borneo seperti Bangkatan.

Walaubagaimanapun, pangkalan data spesis hidupan liar flora dan fauna di Negara ini masih belum lengkap didokumentasikan dan memerlukan inventori dan beberapa kajian saintifik. Setakat ini, hanya terdapat 34 spesis binatang liar terancam sahaja yang tersenarai di bawah Akta Perlidungan Binatang Liar 1984. Alhamdulillah, dalam hal ini beberapa projek kajian telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui *Kuala Belalong Field Study Centre* dan

beberapa buah lagi projek yang diselaraskan melalui inisiatif ‘*Heart of Borneo*’ [HoB] termasuklah *Sg Ingei Fauna Biodiversity Survey*.

Dalam usaha kita mengumpulkan maklumat dan mengemaskini pangkalan data berkenaan, beberapa kegiatan negatif juga telah didapati, di mana terdapat beberapa individu yang terlalu mementingkan diri sendiri dan ghairah meraih keuntungan dengan melakukan aktiviti-aktiviti pemburuan haram binatang-binatang yang dilindungi seperti rusa, pelandok, beruang, burung, tenggiling, kura-kura, anggak dan pengambilan tumbuh-tumbuhan yang terancam seperti gaharu dan ramin untuk tujuan diperdagangkan.

Selain itu akhir-akhir ini kita semakin mendapati hidupan liar yang menjadi mangsa digilis atau dilanggar oleh kenderaan darat dan laut.

Kita khuatir jika perkara ini terus dibiarkan tanpa pendidikan berterusan dan tindakan undang-undang serta penguatkuasaan, maka pastinya beberapa hidupan liar ini akan terus terancam dan tidak mustahil ianya akan menghadapi kepupusan.

Dalam hal ini, ke arah penyelarasan pengurusan dan pemantauan hidupan liar yang lebih berkesan dan teratur, maka pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah bersetuju agar pengurusan hidupan liar ini ditadbir oleh sebuah agensi sahaja. Dengan ini sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan **BAHAGIAN HIDUPAN LIAR** di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada 6 Oktober 2012. Usaha ini

melambangkan komitmen yang berterusan dan kesungguhan pihak Kerajaan dalam mengemaskinikan dan memperkesankan pengurusan hal ehwal dan isu-isu hidupan liar di Negara ini. Dengan penubuhan Bahagian Hidupan Liar ini, maka Akta Perlindungan Binatang Liar 1984 juga telah diserapkan di bawah pengendalian Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dalam hal yang berkaitan, pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, bersama-sama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri akan memastikan bahawa setiap pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan fungsi dan peranan yang mengawal dan mengurus kehidupan liar di Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, untuk dipindahkan ke Bahagian yang baru ditubuhkan ini. Pemindahan tersebut adalah bertujuan bagi mengelak daripada keperluan untuk menambah pegawai dan kakitangan bagi mengendalikan Bahagian tersebut, melainkan jika terdapat tambahan tugas dan tanggungjawab yang belum ditangani sebelum ini.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

Negara Brunei Darussalam pada ketika ini mempunyai 2 buah perundangan hidupan liar iaitu Akta Perlindungan Binatang Liar 1984 dan Perintah Fauna dan Flora Liar 2007. Akta Perlindungan Binatang Liar 1984 pada asalnya dikendalikan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Sementara Perintah Fauna dan Flora Liar 2007 dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agri-makanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Di samping itu, terdapat juga perundangan lain yang mempunyai hubungkait

secara tidak langsung dengan pengurusan dan penguatkuasaan hidupan liar seperti Akta Perhutanan dan Akta Perikanan.

Perundangan yang sedia ada perlu pengubalan dan pindaan untuk penambahbaikan selaras dengan keperluan perkembangan semasa agar ianya setanding dengan perundangan yang berkuatkuasa di peringkat serantau dan antarabangsa, khususnya dalam usaha untuk mengawalselia spesis-spesis binatang dan tumbuhan liar daripada terancam dan menghadapi kepupusan disebabkan oleh pengambilan dan perdagangan secara haram.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam usaha kita untuk mengawal dan mengelakkan kegiatan-kegiatan negatif tadi maka adalah penting juga bagi kita mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan sebagai ‘*wildlife sanctuary*’ yang terkawal. Ini juga akan membolehkan program-program pengurusan dan pemuliharaan hidupan liar khususnya yang disenaraikan sebagai spesis-spesis ‘*threatened, endangered, vulnerable*’ dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, ianya boleh dijadikan sebagai tempat pembiakan, penjagaan dan pemulihan serta pelepasan binatang liar yang diselamatkan dan dirampas selain memudahkan pemantauan dan inventori hidupan liar. Ini juga akan dapat meningkatkan imej Negara di arena antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kelestarian hidupan liar dengan mengaplikasikan beberapa contoh amalan terbaik yang sesuai dan boleh digunakan di negara ini. Di samping itu, ianya dapat dijadikan sebagai produk dan

destinasi eko-pelancongan yang boleh menyumbang ke arah sosio-ekonomi negara serta boleh dijadikan sebagai lokasi penyelidikan dan pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran pengurusan hidupan liar.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian

Saya penuh berharap dengan tertubuhnya Bahagian baru ini dan dengan sokongan serta kerjasama padu daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan bersama akan dapat berganding bahu demi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Negara Brunei Darussalam ini bukan sahaja kaya dengan hasil minyak dan gasnya tetapi juga kaya dengan hidupan fauna dan flora untuk tatapan kita dan generasi akan datang. Ke arah itu, saya mengambil kesempatan ini menyarankan supaya satu jaringan penguatkuasaan pengawalan hidupan liar kebangsaan [*Wildlife Enforcement Network National Task Force*] dibentuk dengan keahliannya terdiri dari agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian selaras dengan keperluan dan komitmen Negara Brunei Darussalam selaku ahli kepada pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN Wildlife Enforcement Network*, *Convention on International Trade of Endangered Species (CITES)* dan *Convention on Biodiversity (CBD)*.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Hidupan Liar,

ahli-ahli jawatankuasa serta mereka yang terlibat dalam mengungkayahkan dan menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahhittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.